

09/BKH/2025



AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

AKPS BUKIT KAYU HITAM PATAHKAN CUBAAN SELUDUP 3,500 LITER DIESEL

Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah berjaya mematahkan satu cubaan untuk menyeludup minyak diesel bersubsidi ke negara jiran dalam satu pemeriksaan di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah pada kira-kira jam 8:00 pagi pada 23 Jun 2025 yang lalu. Hasil nilai keseluruhan rampasan dalam operasi ini dianggarkan dalam RM 90,000.00.

Modus operandi yang digunakan adalah dengan mengubah suai sebuah motolori jenis *pole trailer* bagi tujuan mengaburi mata pihak berkuasa. Hasil pemeriksaan rapi oleh pegawai bertugas telah menemukan satu tangki tambahan yang disembunyikan di bahagian bawah motolori tersebut, yang diisi dengan anggaran 3,500 liter minyak diesel.

Motolori tersebut telah disita untuk siasatan dan tindakan lanjut. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 6 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 atas kesalahan mengubah suai kenderaan dan Seksyen 64(1) APJ 1987 yang membenarkan kenderaan disita.

Rampasan ini menunjukkan komitmen tidak berbelah bahagi AKPS bersama-sama agensi penguatkuasaan lain dalam memastikan sempadan negara tidak dibolosi oleh sebarang aktiviti haram. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba memperdaya agensi penguat kuasa bagi mengaut keuntungan yang menyalahi undang-undang.

Gambar berkaitan:

<https://drive.google.com/drive/folders/1aPFKIRQUZqI0h6uWNU2ScWWQ3FGubIQ?usp=sharing>

TAMAT

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

24 JUN 2025